

UMS juarai Kejohanan Bola Jaring Piala Toh Puan Ke-3

DE 18.11.2014 12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengungguli Kejohanan Bola Jaring Piala Toh Puan kali ke-3, 2014 dengan menewaskan Alumni Maktab Sabah (Osca) 14-13 dalam perlawanan akhir petang Ahad.

Pemain UMS Dayang Anak Manggie dipilih sebagai pemain terbaik kejohanan, manakala Osca menerima hadiah Best Attire selain pemainnya Norsamimi Nazirah muncul sebagai penjaring terbanyak. Pasukan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan menerima hadiah Fair Play.

Sebanyak 23 pasukan mengambil bahagian dengan 300 atlet dan pengurus pasukan terlibat dalam kejohanan selama dua hari ini.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bola Jaring Sabah (Sabana), Chenderamata Sinteh menyatakan bahawa penyertaan amat menggalakkan dari jabatan dan agensi kerajaan serta persatuan-persatuan wanita

di negeri ini termasuklah penyertaan dari Majlis Perbandaran Sandakan. Katanya, usaha berterusan yang dilakukan oleh Sabana untuk mempopularkan sukan bola jaring telah menampakkan hasil dengan peningkatan secara mendadak bilangan pasukan yang menyertainya tahun ini berbanding dua kejohanan yang diadakan sebelum ini.

Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Tan Sri R.M Jasni isteri Yang Dipertua Negeri selaku penaung Sabana turut menyaksikan perlawanan akhir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Johan menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala, pingat dan sijil; naib johan menerima RM700, piala, pingat dan sijil; pemenang tempat ketiga Imigresen membawa pulang RM500, piala, pingat dan sijil; manakala pasukan Bomba yang mebarad di tempat keempat menerima RM150 dan sijil.